

## NEWS CLIPPING

EVENT:	KEMPEN BYOC 2015 7-ELEVEN
PUBLICATION:	HARIAN METRO
PAGE/ SECTION:	BUSINESS
DATE:	MONDAY, 9 NOVEMBER 2015
TIME:	-

# Kempen BYOC2015 7-Eleven

**Kuala Lumpur:** 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, pengendali rangkaian kedai serba-neka 24 jam, 7-Eleven di Malaysia melancarkan kempen 'Bawalah Cawan Anda Sendiri 2015' (BYOC2015) di mana orang ramai boleh mengisil bekas yang dibawa dengan Slurpee pada hanya RM2.90 sekali gus melayakkan mereka mengambil bahagian dalam pertandingan foto untuk memenangi hadiah menarik.

Program ini membabitkan lebih 1,800 rangkaian 7-Eleven di seluruh negara meliputi negeri di Semenanjung, Sabah serta Sarawak bermula

jam 7 pagi pada 7 November hingga 11 malam pada hari berikutnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, acara kali kedua ini diadakan sebagai sebahagian cara syarikat untuk meraikan pelanggan setianya.

"Kami memberi ganjaran kepada pelanggan dengan membenarkan mereka untuk menikmati minuman sejuk kegemaran mereka iaitu Slurpee dengan cara yang unik. Tetapi sebagai hadiah bonus untuk semua pada tahun ini, kami telah membuat keputusan untuk melancarkan pertandingan BYOC2015

selama dua hari pada hujung minggu kerana kami mahu setiap lapisan masyarakat menyertai dan meraikan bersama kami," katanya.

Namun, bekas mahupun cawan yang dibawa tidak boleh terlalu lebar melebihi 22cm dan perlulah bersih. Peserta hanya perlu 'like' laman Facebook 7-Eleven Malaysia, snap gambar kreatif bersama Slurpee dengan hashtags #7ElevenMy #BYOCupMy seterusnya berkongsi gambar terbabit di Facebook 7-Eleven Malaysia bagi melayakkan mereka untuk memenangi iPhone6, iPad Mini dan iPod Shuffle.